

25 MAR 2000

LEAD Hishammuddin-menang

HISHAMMUDDIN MENANG TANPA BERTANDING, ZEIN ISMA LEPASI SYARAT BERTANDING

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Datuk Hishammuddin Hussein hari ini secara tidak rasmi menang tanpa bertanding jawatan Ketua Pemuda Umno setelah memperolehi 150 pencalonan.

Zein Isma Ismail pula yang bertanding jawatan naib ketua melepasi syarat kelayakan bertanding selepas memperolehi 28 pencalonan daripada pemuda bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing setakat ini,

Seseorang calon yang bertanding jawatan itu perlu mendapat 26 pencalonan bagi melayakkan diri bertanding.

Dengan itu jawatan naib ketua adalah pertandingan dua penjuror antara Zein Isma dan Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir yang mendapat 115 pencalonan setakat ini. Zein Isma mendapat empat lagi pencalonan hari ini daripada bahagian Lipis, Kuala Pilah, Kangar dan Kepala Batas.

Dua lagi calon -- Mustafa Khalid (7 pencalonan) dan Zabidi Zainul Abidin (1) -- dianggap terkeluar daripada senarai calon.

Setakat ini sebanyak 151 daripada 165 pemuda bahagian sudahpun mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing.

Bagi Hishammuddin pula, dengan jumlah pencalonan yang diperolehinya, bermakna tidak ada sesiapa lagi boleh melayakkan diri bertanding jawatan itu kerana Umno mensyaratkan calon bagi jawatan itu, perlu mendapat sekurang-kurangnya 33 pencalonan. Umno mempunyai 165 bahagian.

Seorang lagi calon bagi jawatan itu, iaitu Ketua Pemuda Umno bahagian Tanjong, Raja Munir Raja Mustapha setakat ini hanya mendapat satu pencalonan.

Hishammuddin mendapat sokongan padu daripada kesemua 21 pemuda bahagian yang bermesyuarat hari ini menjadikan jumlah pencalonan yang diperolehi setakat ini ialah 150.

Hishammuddin dilantik pemangku ketua pergerakan itu pada 6 Okt 1998 berikutan peletakan jawatan Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Hishammuddin, anak kepada perdana menteri ketiga, allahyarham Tun Hussein Onn, adalah ketua Umno Bahagian Tenggara sejak Mac 1998.

Bagi pertandingan jawatan ketua pergerakan wanita Umno, kedua-dua calon, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan penyandang Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, masing-masing memperolehi 10 pencalonan daripada 20 wanita bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan mereka hari ini.

Rafidah menerima 85 pencalonan sementara Dr Siti Zaharah mendapat 64 pencalonan setakat ini.

Bagi jawatan naib ketua, dua calon iaitu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan ketua Pergerakan Wanita Perak, Ainin Khariyah Mohd Abas masing-masing mendapat tujuh pencalonan hari ini.

Shahrizat kini mendapat 83 pencalonan sementara Ainin Khariyah mendapat 44 pencalonan.

Penyandang jawatan itu, Datuk Napsiah Omar hari ini mendapat enam pencalonan dan jumlah pencalonan yang diperolehi setakat ini sebanyak 22.

Beliau perlukan empat lagi pencalonan untuk melayakkan diri bertanding jawatan berkenaan.

Setakat ini sebanyak 149 daripada 165 bahagian sudahpun mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing.

SENARAI PENCALONAN PEMILIHAN MT, PEMUDA DAN WANITA UMNO:

Berikut senarai pencalonan bagi pemilihan Majlis Tertinggi, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita Umno:

PENCALONAN JAWATAN TERTINGGI UMNO

Jumlah bahagian 165

Jumlah Pencalonan pada 25 Mac

Presiden:

- | | |
|-----------------------------------|------|
| 1. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad | - 98 |
| 2. Tengku Razaleigh Hamzah | - 1 |

Timbalan Presiden:

- | | |
|-------------------------------------|------|
| 1. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi | - 97 |
| 2. Tengku Razaleigh Hamzah | - 2 |

Naib Presiden:

- | | |
|---------------------------------------|------|
| 1. Datuk Seri Najib Tun Razak | - 93 |
| 2. Datuk Abdul Ghani Othman | - 51 |
| 3. Datuk Seri Abu Hassan Omar | - 39 |
| 4. Datuk Osu Sukam | - 26 |
| 5. Datuk Seri Syed Hamid Albar | - 21 |
| 6. Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib | - 17 |
| 7. Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad | - 16 |
| 8. Tan Sri Muhyiddin Yassin | - 15 |
| 9. Datuk Dr Rais Yatim | - 12 |
| 10. Tengku Razaleigh Hamzah | - 4 |
| 11. Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali | - 2 |

Ketua Pemuda:

- | | |
|--|-------|
| 1. Datuk Hishammuddin Hussein | - 150 |
| 2. Raja Munir Raja Mustapha (Bahagian Tanjung) | -1 |

Naib Ketua Pemuda:

- | | |
|-----------------------------------|-------|
| 1. Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir | - 115 |
| 2. Zein Isma Ismail | - 28 |
| 3. Mustapha Khalid | - 7 |
| 4. Zahidi Zainul Abidin | - 1 |

Ketua Wanita:

- | | |
|----------------------------|------|
| 1. Datuk Seri Rafidah Aziz | - 85 |
|----------------------------|------|

2. Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman - 64

Naib Ketua Wanita:

1. Datuk Shahrizat Abdul Jalil - 83
2. Aion Khariyah Mohd Abas - 44
3. Datuk Napsiah Omar - 22

-- BERNAMA

ARA zb